



SULIT
1125/1
Pendidikan
Moral
Kertas 1
2 ½ jam

**PANITIA PENDIDIKAN MORAL
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KINTA UTARA**

MODUL SET 3
PENDIDIKAN MORAL
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:
Bahagian A mempunyai lapan soalan struktur dan Bahagian B mengandungi tiga soalan eseai.
2. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda mestilah berlandaskan nilai-nilai moral yang terdapat dalam Sukatan Pendidikan Moral.

| BAHAGIAN | SOALAN | MARKAH |
|---------------|--------|--------|
| A | 1 | |
| | 2 | |
| | 3 | |
| | 4 | |
| | 5 | |
| | 6 | |
| | 7 | |
| | 8 | |
| B | 9 | |
| | 10 | |
| | 11 | |
| JUMLAH | | |

**Bahagian A
[80 markah]***Jawab semua soalan.*

1. Gambar 1 menunjukkan kes buli yang berlaku di sekolah.



- (a) Terangkan **dua** sebab kes buli semakin meningkat sejak kebelakangan ini di sekolah.

- i.
....
ii.
....

[4 markah]

- (b) Nyatakan **dua** nilai yang sepatutnya diamalkan oleh pelajar untuk mengelakkan kes buli daripada terus berleluasa.

- i.
ii.

[2 markah]

- (c) Pada masa kini, kes-kes buli sering dimuatnaikkan di media massa seperti *Facebook* dan *Whatsapp*. **Wajarkah** tindakan tersebut? Huraikan jawapan anda.

-
....
....
....

[4 markah]

2. Gambar 2 menunjukkan keratan akhbar tindakan seorang anak bertindak kejam terhadap ibunya.



- (a) Apakah **perasaan** anda setelah membaca keratan akhbar di atas? Berikan **alasan** anda.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Terangkan **dua** nilai yang harus diamalkan oleh anak tersebut.

i.
.....
.....
ii.
.....
.....

[4 markah]

- (c) Berikan **dua** tindakan yang perlu diambil oleh ibu bapa supaya kejadian seperti ini tidak berlaku lagi.

i.
ii.

[2 markah]

- (d) Berikan rumusan anda tentang perilaku anak tersebut.

.....
.....

[2 markah]

3. Jadual 1 menunjukkan Indeks Pencemaran Udara di beberapa bandar di Malaysia.

| NEGERI / STATE | KAWASAN/AREA | MASA/TIME 06:00AM |
|-----------------|------------------------------|----------------------|
| Johor | Kota Tinggi | 97* |
| Johor | Larkin Lama | 60* |
| Johor | Muar | 49* |
| Johor | Pasir Gudang | 67* |
| Kedah | Alor Setar | 35* |
| Kedah | Bakar Arang, Sg. Petani | 49* |
| Kedah | Langkawi | 44* |
| Kelantan | SMK Tanjung Chat, Kota Bharu | 28* |
| Kelantan | Tanah Merah | 44* |
| Melaka | Bandaraya Melaka | 55* |
| Melaka | Bukit Rambai | 73* |
| Negeri Sembilan | Nilai | 91* |
| Negeri Sembilan | Port Dickson | 57* |
| Negeri Sembilan | Seremban | 63* |
| Pahang | Balok Baru, Kuantan | 72* |
| Pahang | Indera Mahkota, Kuantan | 60* |

- (a) Setiap tahun negara kita mengalami jerebu akibat pembersihan ladang melalui kaedah pembakaran yang dilakukan oleh negara Indonesia.

Nyatakan **tiga** tindakan yang wajar diambil oleh negara-negara jiran seperti Malaysia dan Singapura dalam membendung masalah ini.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

- (b) Senaraikan **dua** kesan buruk jerebu terhadap alam sekitar.

- i.
- ii.

[2 markah]

- (c) Kesihatan manusia akan terjejas akibat jerebu. Berikan **dua** contoh gangguan kesihatan yang akan dialami oleh manusia semasa berlakunya jerebu.

- i.
- ii.
- [2 markah]

(d) Terangkan **tiga** tindakan yang anda perlu ambil semasa berhadapan dengan situasi jerebu.

- i.
- ii.
- iii.

[2 markah]

4. Gambar 3 menunjukkan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.



- (a) Berdasarkan rajah di atas, berikan **tarikh** sambutan Hari Malaysia di negara kita.

[1 markah]

- (b) Terangkan **dua** sebab sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia didedahkan kepada masyarakat sejak di peringkat awal pendidikan iaitu prasekolah dan tadika lagi.

i.

.....

ii.

.....

[4 markah]

- (c) Senaraikan **tiga** aktiviti yang boleh dijalankan di peringkat sekolah semasa sambutan Hari Kemerdekaan.

i.

ii.

iii.

[3 markah]


- (d) Program Hari Kemerdekaan diadakan untuk memupuk nilai cinta akan negara dalam diri pelajar. Jelaskan **maksud** nilai tersebut.

.....
.....
.....

[2 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan roti yang telah rosak.

Ramesh membeli sebuku roti yang tarikh luputnya masih ada beberapa hari. Walau bagaimanapun, selepas dua hari berlalu, dia dapati roti itu mula berkulat dan rosak.



- (a) Sekiranya anda dalam situasi di atas, apakah **perasaan** anda. **Jelaskan.**

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Huraikan **tindakan** yang boleh dilakukan Ramesh sebagai seorang pengguna yang bijak untuk mendapatkan haknya semula.

i.
.....
ii.
.....

[4 markah]

- (c) Nyatakan **tiga** bentuk eksplotasi peniaga yang tidak bertanggungjawab terhadap pengguna.

i.
ii.
iii.

[3 markah]

6. Jadual 2 merupakan hukuman di bawah Akta Dadah Berbahaya

| Seksyen | Kesalahan/Jenis Dadah | Hukuman |
|----------|---|--|
| 39B | <ul style="list-style-type: none"> * Memiliki 15 gm atau lebih heroin atau morfin atau monoasetil morfin * Memiliki 1000 gm atau lebih cандu masak atau mentah * Memiliki 200 gm atau lebih ganja * Memiliki 40 gm atau lebih kokain * Memiliki 50 gm atau lebih amphetamine | Mandatori gantung sampai mati. |
| 39(A)(2) | <ul style="list-style-type: none"> * Memiliki 5 gm atau lebih heroin atau morfin atau monoasetil morfin * Memiliki 250 gm atau lebih cандu * Memiliki 50 gm atau lebih ganja * Memiliki 15 gm atau lebih kokain * Memiliki 30 gm atau lebih amphetamine | Tidak kurang 5 tahun penjara atau dipenjara seumur hidup dan diwajibkan tidak kurang 10 sebatan rotan. |
| 39(A)(1) | <ul style="list-style-type: none"> * Memiliki 2-5 gm heroin atau morfin * Memiliki 100-250 gm cанду * Memiliki 20-50 gm ganja * Memiliki 5-15 gm kokain * Memiliki 250-750 gm daun coca * Memiliki 5-30 gm amphetamine | Tidak kurang 2 tahun penjara tetapi tidak lebih 5 tahun dan diwajibkan sebatan rotan antara 3 hingga 9 kali. |
| 6B | <ul style="list-style-type: none"> * Menanam atau mengusahakan pokok ganja | Penjara seumur hidup dan diwajibkan sebatan rotan tidak kurang 6 kali. |
| 6 | <ul style="list-style-type: none"> * Memiliki kurang 5 gm cанду mentah atau daun koka atau ganja atau pokok popi atau biji ganja dari popi | Penjara tidak lebih 5 tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya sekali. |
| 9 | <ul style="list-style-type: none"> * Memiliki kurang 100 gm cанду masak | - sama seperti di atas- |
| 12(3) | <ul style="list-style-type: none"> * Memiliki kurang 2 gm heroin atau morfin * Penjawat awam yang bertugas di penjara, pusat pemulihian, lokap polis atau mana-mana tempat tahanan dan memiliki dadah di tempat tersebut | Penjara tidak lebih 5 tahun atau denda tidak lebih RM100,000 Tambahan hukuman dirotan 3 sebatan |
| 15 | <ul style="list-style-type: none"> * Memasukkan dadah (heroin atau morfin) ke dalam badan | Penjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM5,000. |
| 15B | <ul style="list-style-type: none"> * Berada di dalam jerami cанду | Penjara tidak lebih 2 tahun atau denda hingga RM5,000 |

(a) **Wajarkah** tindakan hukuman ini dijatuhkan ke atas pengedar dadah yang didapati bersalah? Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah penguatkuasa akta ini dapat menjamin kesabahan negara.
Jelaskan.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Senaraikan **tiga** yang nilai yang perlu diamalkan oleh seorang yang mengendar dadah.

- i.
- ii.
- iii.


[3 markah]

- (d) Selain akta di atas, nyatakan **akta** lain yang digubal oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan dalam negara.

.....

[1 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan dengan ungkapan pertuturan.



- (a) Berdasarkan ungkapan di atas, berikan **maksud** kebebasan bersuara.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Huraikan **dua** kesan jika rakyat tidak mengamalkan nilai kebebasan bersuara ini dalam kehidupan seharian.

i.
.....
ii.
.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan **cara** yang betul jika ingin menyuarakan pendapat jika tidak berpuas hati tentang sesuatu perkara atau isu.

i.
.....
ii.
.....

[4 markah]

8. Gambar 4 berkaitan dengan Program Pertukaran Murid ke Luar Negara



- (a) Sekiranya anda terpilih untuk menyertai program ini, terangkan **dua** nilai yang patut diamalkan semasa anda berada di negara jiran.

- i.
.....
ii.
.....

[4 markah]

- (b) Jelaskan **dua** persediaan dan sebab anda perlu membuat persiapan awal sebelum pergi ke negara jiran tersebut.

- i.
.....
ii.
.....

[4 markah]

- (c) Selain Program Pertukaran Murid, nyatakan **dua** program lain kerajaan Malaysia dalam mengeratkan hubungan dengan negara luar.

- i.
ii.

[2 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Jawab mana-mana dua soalan dalam bahagian ini

9. Gambar 5 menunjukkan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kualiti tahap kesihatan rakyat Malaysia.



Bincangkan **kepentingan** menyertai aktiviti sukan kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia.

Jawapan anda hendaklah disokong dengan **nilai-nilai murni** dan **contoh** yang sesuai.

[10 markah]

10. Gambar 6 menunjukkan contoh media elektronik yang sering digunakan oleh setiap lapisan masyarakat.



Huraikan **cara-cara** penggunaan media elektronik secara berhemah.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai murni** yang anda pelajari.

[10 markah]

11. Berikut adalah luahan perasaan nenek, seorang penghuni di rumah orang tua.

Nenek sungguh sayu setelah ditempatkan di sini. Nenek sedar bahawa tujuan anak nenek itu baik tetapi nenek tidak dapat menerimanya. Nenek rindu akan belaian kasih sayang anak-anak. Nenek berasa sungguh sunyi tinggal di sini. Nenek tidak tahu bagaimana nenek habiskan sisa-sisa hidup bersama rakan-rakan di sini. Kalau boleh nenek nak tinggal bersama anak kesayangan nenek.

Pada pendapat anda, **wajarkah** ibu bapa dihantar ke rumah orang tua-tua?

Huraikan jawapan anda berdasarkan **nilai-nilai murni** yang anda telah pelajari.

[10 markah]

- SOALAN TAMAT -